

1735/LK

1976

KUALA LUMPUR, 10 SEPT. (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SEMUA TOMAH BERBANGKIT DARI PENGAKUAN ABDUL SAMAD ISMAIL AKAN DISIASAT OLEH KERAJAAN KATANYA, KERAJAAN SAHAJA YANG BERKEBOLEHAN MENJALANKAN PENYIASATAN INI DAN INI SUDAH TENTULAH AKAN MENGAMBIL MASA.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN, UMNO TIDAK UPAYA MELANCARKAN GERAKAN MEMBERSEHKAN KOMUNIS MELAINKAN IA DIJALANKAN SECARA SERKAP JARANG SAJA DAN PERDANA MENTERI TELAH MENYATAKAN BELIAU TIDAK MAHU DILAKUKAN DEMIKIAN.

DALAM SATU PERTEMUAN DENGAN WARTAWAN- DI PEJABATNYA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BELUM ADA KEPUTUSAN UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO BAGI MEMBINCANGKAN IMPLIKASI PENGAKUAN SAMAD ISMAIL.

+KITA TIDAK NAMPAK PERLUNYA MENGADAKAN MESYUARAT ITU+, KATANYA.--BERSAMBUNG 1725/BY

+BAGAIMANAPUN SEMUA TOMAH AKAN DIASAT. KERAJAAN SAHAJA YANG UPAYA MENJALANKAN PENYIASATAN DAN INI SUDAH TENTULAH MENGAMBIL MASA, + TAMBAH BELIAU.

MENGENAI SYOR SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SENU ABDUL RAHMAN UNTUK MELANCARKAN GERAKAN PEMBERSEHAN DALAM UMNO, DR. MAHATHIR BERKATA, +UMNO TIDAK BERUPAYA MELANCARKAN GERAKAN SEPERTI ITU. KITA TIDAK MEMPUNYAI PARA PENYIASAT.+

DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENYOKONG PENUH PENDIRIAN DATUK HUSSEIN ONN MENENTANG TINDAKAN +SERKAP JARANG+.

+KALAU KITA MAHU ORANG BERLAKU ADIL KEPADA KITA, KITA MESTILAH ADIL KEPADA MEREKA, + KATANYA MENJELASKAN PENENTANGANNYA TERHADAP TINDAKAN SERKAP JARANG.

DR. MAHATHIR MENOLAK KEMUNGKINAN MENYARIN ANGGOTA-ANGGOTA BARU MENERUSI MENGGISI BORANG PERMOHONAN YANG MENGANDUNGI BUTIR-BUTIR LANJUT.

+CARA MENGGISI BORANG TIDAK AKAN MENOLONG KITA MENENTUKAN SIAPA KOMUNIS ATAU SIAPA BUKAN KOMUNIS. ORANG BOLEH MENULIS APA SAJA DI DALAM BORANG SEPERTI ITU, + KATANYA. -- BERSAMBUNG 1725/IR

BC02:

MAHATHIR-UMNO 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA JAWATANKUASA DISIPLIN UMNO AKAN BERMESYUARAT HARI ISNIN INI UNTUK MEMBINCANGKAN PERMOHONAN DATUK HARUN IDRIS UNTUK MEMASUKI UMNO SEMULA.

PENDAPAT JAWATANKUASA ITU AKAN DISERAHKAN KEPADA MAJLIS TERTINGGI UMNO.

KATANYA, BELUM ADA TARIKH DITETAPKAN BAGI MESYUARAT BIASA MAJLIS TERTINGGI KERANA BULAN PUASA SEKARANG. - BERNAMA 1739/LK